

CNS4546

R GB 05-05 00171 BH418

bah

LAPORAN POLIS PAS BERTUJUAN MEMPOLITIKKAN ISU HUKUM HUDUD

Mahathir - Hudud

IPOH, 5 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tindakan PAS membuat laporan polis berhubung ucapan beliau di Papar, Sabah baru-baru ini mengenai hukum hudud, bertujuan mempolitikkan isu itu.

Tindakan PAS itu bertujuan jahat untuk menarik perhatian orang ramai terhadap parti itu dengan menggembar-gemburkan pelbagai isu seperti hukum hudud, katanya pada persidangan akhbar di sini hari ini.

Beliau berada di sini untuk melancarkan Hari Belia Negara di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai tindakan Ketua Pemuda PAS, Encik Abu Bakar Chik membuat aduan di Balai Polis Daerah Kota Setar semalam.

Abu Bakar mendakwa, ucapan Dr Mahathir di hadapan 1,000 jemaah selepas solat Jumaat di Masjid Jamek Pekan Papar pada 1 Mei lepas bertentangan dengan Seksyen 298A, Kanun Keseksaan.

Dr Mahathir berkata, "Dia (PAS) cuba tutup mulut saya daripada bercakap, semata-mata untuk menutup kesilapan mereka (PAS)+. -- Lagi

▼05/05/18-37MST

R GB 05-05 00173 BH419

bah

Mahathir-Hudud 2 (Akhir) Ipoh

Beliau juga mempersoalkan kenyataan Menteri Besar Kelantan, Haji Nik Aziz Nik Mat bahawa hukum hudud di negeri itu tidak akan membabitkan orang bukan Islam sekiranya agama mereka ada undang-undang jenayah. Katanya, Nik Aziz tidak ada hak untuk mengeluarkan fatwa seumpama itu.

Menurutnya, di Arab Saudi hukum hudud dilaksanakan secara menyeluruh ke atas setiap rakyat.

Mengenai kenyataan Naib Pengerusi DAP, Encik Karpal Singh bahawa parti itu akan membantah langkah PAS memperkenalkan hukum hudud di Kelantan, Perdana Menteri mempersoalkan pendirian DAP itu sedangkan pada pilihan raya umum lepas parti itu menyokong PAS sehingga calon MCA di Kota Baharu kalah di tangan PAS.

Beliau juga berkata bahawa kerajaan tidak bercadang memperkenalkan undang-undang bagi membendung cara hidup yang tidak sihat di kalangan masyarakat seperti amalan hubungan sejenis antara lelaki dengan lelaki atau perempuan dengan perempuan.

Dr Mahathir berkata, undang-undang seperti itu tidak perlu kerana amalan buruk itu, yang sedang berleluasa di barat tidak diterima oleh masyarakat di negara ini. -- Bernama

▼05/05/18-39MST